

Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG **2035** (PENGgantian)



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional
BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN
PEJABAT PROJEK ZON TENGAH

PLANMalaysia@Perak

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



Majlis Daerah Tapah

JILID III
PENGURUSAN DAN PERLAKSANAAN

Draf

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG 2035 (PENGgantian)

Disediakan oleh:

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional
BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN
PEJABAT PROJEK ZON TENGAH

PLANMalaysia@Perak
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



Majlis Daerah Tapah



Isi Kandungan

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

	Perkara	Muka Surat
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1-1
	1.2 Prestasi Pelaksanaan RTDBP 2020	1-2
	1.3 Rumusan Penemuan Pelaksanaan RTDBP 2020	1-3
BAB 2	URUSTADBIR YANG EFEKTIF	
	2.1 Mekanisma Pelaksanaan dan Pemantauan	2-1
	2.1.1 Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan	2-1
	2.1.2 Memperkasakan Agensi Pelaksana	2-3
	2.1.3 Kaedah Pelaksanaan Projek Pembangunan	2-4
	2.1.4 Perincian Program dan Projek Pembangunan	2-7
	2.2 Tranformasi Urus Tadbir MDT	2-13
	2.2.1 Naik Taraf Kepada Majlis Perbandaran	2-13
	2.2.2 Perluasan Kawasan Operasi Majlis	2-15
	2.2.3 Pengukuhan Organisasi	2-17
	2.2.4 Kemahiran dan Latihan Kakitangan	2-19
	2.2.5 Menggalakkan Inovasi dan Kolaborasi	2-20
	2.2.6 Pengurusan Data dan Teknologi Maklumat	2-21
	2.3 Transformasi Pengurusan Kewangan MDT	2-23
	2.3.1 Meningkatkan Pendapatan dan Sumber Kewangan	2-23
	2.3.2 Penguatkuasaan Akta dan Undang – Undang Kecil	2-27
BAB 3	DASAR PEMBANGUNAN	
	3.1 Penerapan Dasar <i>Sustainable Development Goals</i> (SDGs)	3-1
	3.2 Penerapan <i>Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025</i>	3-8

Senarai Rajah & Jadual

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Senarai Rajah	Muka Surat
Rajah 1.1: Jumlah Cadangan Projek RTD Batang Padang 2020	1-2
Rajah 1.2: Cadangan Projek RTD Batang Padang 2020 yang dilaksanakan dan projek bukan RTDBP 2020 diluluskan MDT	1-2
Rajah 2.1: Peranan Agensi Utama Pelaksana RTDBP 2035	2-3
Rajah 2.2 : Teras Pembangunan, Strategi dan Cadangan / Projek	2-6
Rajah 2.3 : Proses Menaiktaraf MDT Kepada Status Perbandaran	2-14
Rajah 2.4. Tindakan memperluaskan Kawasan operasi MDT	2-15
Rajah 2.5 : Lokasi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kampar seluas 262.30 hektar.	2-16
Rajah 2.6 : Cadangan Struktur Organisasi Interim Majlis Perbandaran Tapah	2-17
Rajah 2.7 : Penglibatan dan kerjasama MDT dengan agensi luar	2-20
Rajah 2.8 : Komponen mempertingkatkan pengurusan Data dan Maklumat	2-21
Rajah 2.9 : Komponen Mempertingkatkan Pengurusan Data dan Maklumat	2-22

Senarai Jadual	Muka Surat
Jadual 2.1 : Mekanisma Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan	2-1
Jadual 2.2 : Perincian Kerjasama <i>Public-Private Partnership</i> (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia	2-4
Jadual 2.3 Perincian Program dan Projek Pembangunan	2-7
Jadual 2.4 : Status Pencapaian Berdasarkan Kriteria Perbandaran	2-13
Jadual 2.5 : Cadangan Tambahan Kakitangan RTDBP 2035	2-18
Jadual 2.6 Menunjukkan Trend Hasil Pendapatan Majlis Daerah Tapah 2016-2020	2-23
Jadual 2.7: Strategi Bagi Meningkatkan Hasil Pendapatan MDT	2-24
Jadual 2.8: Perincian Cadangan Pengiraan Kadar Caj Pemajuan di Daerah Batang Padang	2-26
Jadual 2.9 : Senarai Akta-Akta dan Peraturan Utama yang Digunakan oleh Majlis Daerah Tapah	2-27
Jadual 2.10 : Senarai Undang-Undang Kecil Digunakan Majlis Daerah Tapah	2-27
Jadual 2.11 : Senarai Kaedah-Kaedah dan Perintah Digunakan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	2-28
Jadual 2.12 : Senarai Garis Panduan Perancangan Digunakan Majlis Daerah Tapah	2-28
Jadual 3.1 : Peranan MDT Ke Arah Pembangunan Mampan	3-3
Jadual 3.2 : Peranan MDT Ke Arah Elemen Bandar Pintar	3-9

BAB 01

PENDAHULUAN



BAB 01 | PENDAHULUAN



1.1

Pengenalan

Rancangan Tempatan (RT) adalah merupakan suatu dokumen yang mengandungi pelbagai garis panduan dan cadangan pembangunan dan akan dijadikan panduan kepada Majlis Daerah Tapah (MDT), Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang, PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Perak Darul Ridzuan) dan agensi-agensi yang lain dalam membangunkan daerah Batang Padang ke arah mencapai wawasan yang telah dirangka. Bagi memastikan pelaksanaan RT yang lebih realistik, MDT selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) perlu memainkan peranan utama di dalam semua peringkat perancangan dan pelaksanaan projek serta program pembangunan.

MDT bertanggungjawab di dalam mengawal selia dan memantau pencapaian RT ini mengikut jadual serta tempoh yang ditetapkan. Ia juga perlu memastikan peruntukan yang diperolehi adalah mencukupi bagi memastikan keperluan dan sasaran pembangunan dapat dicapai. Dalam masa yang sama, ia juga perlu menjadi penasihat serta memantau projek-projek pembangunan yang dilakukan oleh agensi-agensi lain, pemaju swasta dan sebagainya.




Kejayaan pelaksanaan dan pengurusan MDT amat bergantung kepada struktur organisasi yang utuh. Ianya juga melibatkan peranan agensi pelaksana dan pihak swasta yang efektif disamping pengurusan yang realistik. Berdasarkan penemuan isu dan potensi yang telah dikenalpasti, terdapat beberapa cadangan terperinci bagi melicinkan pengurusan dan pelaksanaan RT Daerah Batang Padang (RTDBP) 2035 (Penggantian) kepada agensi pelaksana yang akan diperincikan di dalam bab ini.



1.2

Prestasi Pelaksanaan RTDBP 2020

Daerah Batang Padang mempunyai 241 cadangan projek di bawah RTDBP 2020. Taburan projek mengikut blok perancangan diringkaskan seperti dinyatakan dalam rajah dibawah. Walaubagaimanapun, dalam tempoh perancangan, hanya 28 projek RTDBP 2020 yang telah dilaksana dan selebihnya adalah sebanyak 32 projek bukan di bawah perancangan RTDBP 2020.



Rajah 1.1: Jumlah Cadangan Projek RTDBP 2020

Rajah 1.2: Cadangan Projek RTDBP 2020 yang dilaksanakan dan projek bukan RTDBP 2020 diluluskan MDT

Dua faktor utama yang mempengaruhi daya mampu laksana MDT terhadap pelaksanaan projek-projek yang telah dicadangkan adalah seperti berikut :



Kewangan

Hasil pendapatan MDT adalah rendah iaitu kurang dari RM 13 juta setahun. Hampir RM 6 juta adalah perbelanjaan emolumen manakala RM 5 juta adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. Baki RM 2 juta adalah untuk lain-lain perbelanjaan tidak berulang. Untuk perbelanjaan pembangunan, MDT mempunyai lebih yang terhad dan perlu mendapatkan peruntukan dari belanjawan negeri dan persekutuan untuk melaksana mana-mana cadangan projek berskala sederhana dan besar. Bagaimanapun, MDT masih berkeupayaan untuk melaksana projek berskala kecil yang disasar memberi manfaat kepada warga Daerah Batang Padang termasuk perkhidmatan perbandaran.



Sumber Manusia

Bilangan kakitangan semasa MDT adalah 173 jawatan. Nisbah kakitangan dengan bilangan isi rumah adalah 185 bagi setiap kakitangan. Secara umumnya, nisbah ini adalah mencukupi untuk menangani tadbir urus perkhidmatan perbandaran daerah. Secara umumnya, Majlis Daerah mampu melaksana perkhidmatan mengikut piawaian kerja yang disediakan dengan tahap kelewatan menguruskan permohonan menghampiri sifar.



1.3

Rumusan Penemuan

Berdasarkan penemuan kajian ke atas urus tadbir pelaksanaan RTDBP 2020, perkara-perkara berikut harus diambil kira semasa mencadangkan projek-projek pembangunan RTDBP 2035 (Penggantian) bagi tempoh perancangan 2021-2035:

1



Agensi Pelaksana

Penyenaraian agensi pelaksana bagi setiap projek-projek di dalam Rancangan Tempatan perlu ditentukan dengan tepat supaya setiap projek dapat dilaksanakan mengikut tempoh Rancangan Tempatan Daerah. Agensi pelaksana perlu merujuk kepada cadangan RT Daerah Batang Padang (RTDBP) dalam proses melaksana pelbagai pembangunan yang dipertanggungjawab dan perlu memenuhi pra-syarat yang ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri semasa membuat permohonan mendapatkan peruntukan/dana.

2



Kewangan

MDT mempunyai sumber kewangan yang terhad dan perlu mendapatkan peruntukan dari belanjawan negeri dan persekutuan untuk melaksana mana-mana cadangan projek berskala sederhana dan besar.

3



Pendapatan

MDT harus diberikan kebenaran untuk menaikkan kadar dan tarif supaya setara dengan Pihak Berkuasa Tempatan lain supaya kewangan Majlis kukuh dan dengan itu boleh melaksana lebih banyak projek yang akan memberi manfaat sosial kepada warga Batang Padang.

4



Penggunaan e-sistem

Untuk memastikan MDT dan PLANMalaysia@Perak mempunyai akses mudah dan terkini bagi tujuan pemantauan, penggunaan sistem pengurusan maklumat perlu dipertingkatkan. Ini melibatkan semua agensi pelaksana selain MDT. Sistem pengurusan maklumat terkini dan pembangunan pangkalan data di MDT dan PLANMalaysia@Perak akan membolehkan MDT dan PLANMalaysia@Perak memantau semua projek yang dirancang dan dilaksana dengan berkesan dan berkala. Ini akan mengatasi isu semasa dimana pemantau projek RTDBP 2020 dan projek lain dilakukan secara *ad hoc*.

5



Perjawatan

MDT harus memastikan saiz kakitangan masa hadapan mampu mengurus pertambahan permintaan perkhidmatan perbandaran dari penduduk yang akan melangkaui 170 ribu orang pada penghujung tempoh perancangan.

6



Projek Pembangunan

Mengelakkan isu utama RTDBP 2020 iaitu terlalu banyak projek namun agensi pelaksana tidak dapat melaksanakan projek (fisibel). Untuk tujuan itu, di cadangkan supaya projek pembangunan seharusnya menyediakan perincian projek termasuk justifikasi projek dan implikasi kepada pemegang taruh.

BAB 02

URUS TADBIR YANG EFEKTIF



BAB 02 | URUS TADBIR YANG EFEKTIF



2.1

Mekanisma Pelaksanaan dan Pemantauan

2.1.1 Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan

Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 mencadang penubuhan jawatankuasa pemantauan rancangan pemajuan untuk memantau pelaksanaan projek dan program pembangunan secara berkala. Matlamatnya adalah untuk menyelaraskan agensi yang terlibat dan memastikan projek dan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Ahli-ahli jawatankuasa dilantik oleh JPN dan dipengerusikan oleh sama ada Setiausaha Kerajaan negeri (SUK) atau Exco atau individu lain yang berkelayakan dan dipersetujui oleh PBN. Pembentukan jawatankuasa khas ini adalah penting bagi meningkatkan koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dalam pembangunan daerah Batang Padang serta memastikan pelaksanaan projek dan program pembangunan RT Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) dapat dipantau secara berkala. Penyelarasan antara setiap jabatan dan agensi teknikal adalah penting memandangkan setiap jabatan dan agensi teknikal mempunyai bidang kuasa serta peranan masing-masing.

Selaras dengan matlamat Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 juga, pelaksanaan pembangunan/pemajuan projek dan program di peringkat daerah juga perlu di pantau. Bagaimanapun, penubuhan jawatankuasa baru tidak dicadang. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JKTD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Batang Padang sudah memadai untuk menyelaraskan dan memantau semua pemajuan yang dicadang untuk daerah ini. (Rujuk Jadual 2.1)

Jadual 2.1 : Mekanisma Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan

PERINGKAT	MEKANISMA	KEAHLIAN	PELAKSANAAN
Negeri	Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP)	Pengerusi : Exco / SUK Setiausaha : PLANMalaysia@Perak Keahlian : - Yang DiPertua PBT; - Ketua-Ketua Jabatan Berkaitan; - Pegawai Daerah	- Memantau semua Rancangan Pemajuan (RS, RT dan RKK) - Mendapatkan pelaporan hasil pelaksanaan pemantauan semua rancangan pemajuan - Memberi maklum balas untuk penambahbaikan ke atas laporan sebelum dibentangkan ke JPN - Memperakukan Laporan PPORP untuk dibawa ke JPN
Daerah	Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Kuala Kangsar	Pengerusi : Pegawai Daerah Setiausaha : Penolong Pegawai Daerah Keahlian : - Ketua Jabatan Teknikal Daerah; - Penghulu setiap mukim; - Dua (2) wakil perlimen - Empat (4) wakil ADUN	- Memantau Rancangan Pemajuan Peringkat Tempatan (RT dan RKK) - Mengatur, mengawal, merancang dan menyelaraskan semua aktiviti pemajuan dalam Daerah Kuala Kangsar - Cadangan aktiviti pemajuan oleh setiap agensi teknikal perlu dimaklumkan dan dibincang dalam jawatankuasa ini
Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Penuh (RT dan RKK)	Pengerusi Yang DiPertua Setiausaha Ketua Jabatan Perancang Majlis Keahlian - Setiausaha Majlis - Ahli-Ahli Majlis - Ketua-Ketua Jabatan Majlis - Ketua Jabatan Teknikal Daerah (Yang Berkaitan)	- Memantau Rancangan Pemajuan Peringkat Tempatan (RT dan RKK) - Mendapatkan laporan hasil pelaksanaan pemantauan RT dan RKK dalam kawasan MPKK - Memberi maklum balas untuk penambahbaikan serta memperakukan LPPORT sebelum dibentangkan ke Mesyuarat JPRP

► Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Pemajuan

Kajian Penilaian *Outcome* perlu dijalankan selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/ Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* dan Manual Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Pemajuan 2013. Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Pemajuan (PPORP) perlu disediakan dalam tempoh dua tahun sekali oleh PLANMalaysia@Negeri (JPBD Negeri) dengan kerjasama PLANMalaysia (JPBDSM) setelah 24 bulan dari tarikh diwartakan sesebuah rancangan pemajuan. Terdapat tiga (3) jenis laporan PPORP iaitu:





2.1.2 Memperkasakan Agensi Pelaksana

Memperkasakan peranan agensi teknikal akan dapat dijalankan dengan sebaiknya melalui kerjasama antara jabatan dalam MDT dan sumbangan agensi luaran. Justeru itu, setiap jabatan teknikal perlu memainkan peranan masing-masing ke arah mencapai matlamat RTDBP menjelang tahun 2035. Peranan utama agensi teknikal di dalam pelaksanaan projek dan program RT adalah dengan melalui kaedah program usahasama secara berkala, sesi tech-in, sesi hands on dan sesi dialog. Dengan ini ianya dapat menjadikan Rancangan Pemajuan ini sebagai dokumen utama dalam memberi pertimbangan ke atas kelulusan projek dan program pembangunan.

i. PLANMalaysia@Perak sebagai Penyelaras

PLANMalaysia@Perak adalah jabatan kerajaan yang bertanggungjawab menyelaras rancangan spatial negeri dan memastikan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), semua jabatan, agensi dan badan-badan pelaksana merancang dan melaksanakan pembangunan daerah mengikuti dan selaras dengan Rancangan Tempatan selain memberi khidmat nasihat perancangan fizikal, menyelaras dan melaksanakan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) serta menjalankan apa-apa jua perancangan yang boleh digunakan sebagai panduan oleh PBN dan PBT.

ii. Majlis Daerah Tapah Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan

Majlis Daerah Tapah sebagai Pihak Berkuasa Tempatan adalah jabatan yang bertanggungjawab mentadbir pembangunan dan melaksanakan perancangan pembangunan di dalam kawasanya, iaitu Daerah Batang Padang. Selain itu, Majlis Daerah Tapah juga dipertanggungjawabkan mengawal selia, mengawal dan merancang pemajuan, penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasan tadbirannya. Tidak kurang pentingnya adalah peranan majlis menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada penduduk yang terlibat dalam kawasan operasinya. Kawasan operasi Majlis Daerah Tapah hanya seluas 923 hektar berbanding kawasan tadbiran nya seluas 179 ribu hektar atau (setelah ditolak kawasan hutan yang di luar bidang kuasa Majlis Daerah).

iii. Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang Sebagai Pentadbir Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah adalah penghubung diantara rakyat dengan Kerajaan. Ia adalah badan yang menerajui pengurusan dan pentadbiran tanah bagi Daerah Batang Padang disamping merancang dan melaksana projek luar bandar. Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang juga memikul tanggungjawab untuk mengurus sumber dan manusia di Daerah Batang Padang untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk daerah. Tidak kurang pentingnya, Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang adalah pentadbir tanah daerah bagi urusan pendaftaran tanah, pembangunan tanah dan pelupusan tanah.

iv. Lain-lain Agensi Pelaksana

UPEN, PTG, PDTBP, JKR, JPS, PKNP, PTNP, LPHP, JAKOA, KKM, TNB, JAS, JMG, PERHILITAN, JPSPN, KDN, PDRM, FELDA, FAMA, MIDA, FELCRA, AADK, MARA, KPLB, JKM, APAD, TM, NCIA, NCER, MOTAC, MOA, MPOB, KKM, JWN, Yayasan Perak, SPAN, Tourism Perak, DOA, LPP, JPV, JPSM, BOMBA, PPD, JAIP, APM, JPNIN, dan lain-lain agensi yang terlibat secara tidak langsung.

Rajah 2.1: Peranan Agensi Utama Pelaksana RTDBP 2035

2.1.3 Kaedah Pelaksanaan Projek Pembangunan

Dalam melaksanakan projek dan program pembangunan, terdapat beberapa pendekatan untuk melaksanakannya. Di antara kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut:



Kerjasama Awam Swasta (*Public-Private Partnership – PPP*)

Kaedah penswastaan pembangunan iaitu tanah milik kerajaan diberikan kepada pihak swasta untuk dibangunkan manakala pihak swasta akan menyumbangkan kepakaran teknikal, kewangan dan pengurusan. Bentuk penswastaan tanah adalah seperti pajakan, BOT (*Build Operate Transfer*), BLT (*Build Lease Transfer*) dan dan BLMT (*Build Lease / Maintain Transfer*). Penswastaan perkhidmatan pula adalah digalakkan dalam memastikan perkhidmatan yang efektif dapat diberikan kepada masyarakat. Antara bentuk perkhidmatan yang boleh diswastakan adalah seperti perkhidmatan memungut sampah, penjagaan dan penyelenggaraan kebersihan kawasan landskap dan sebagainya. PPP merupakan kaedah perolehan di mana elemen *value for money* dioptimumkan melalui agihan risiko yang cekap, pendekatan perkhidmatan sepanjang hayat aset, inovasi sektor swasta dan kepakaran pengurusan serta penggabungan elemen-elemen reka bentuk, kewangan, pembinaan dan operasi projek yang berkaitan. Sebahagian daripada ciri-ciri utama projek PPP adalah seperti berikut:

Jadual 2.2 : Perincian Kerjasama *Public-Private Partnership* (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia

Jenis PPP
Bina – Kendali – Pindah [<i>Build – Operate – Transfer</i> (BOT)] - Penswastaan projek yang kebiasaannya dilaksanakan oleh sektor awam seperti projek infrastruktur dan kemudahan awam. - Melibatkan pembinaan sesuatu kemudahan awam oleh pihak swasta dengan pembiayaan sendiri. - Syarikat akan mengendalikan kemudahan tersebut bagi satu tempoh konsesi tertentu dan ianya akan diserahkan balik kepada Kerajaan tanpa kos di akhir tempoh konsesi berkenaan. - Pihak syarikat dibenarkan mengutip caj/fi daripada pengguna yang akan menggunakan perkhidmatan tersebut secara tidak langsung daripada pihak perantara, biasanya institusi kerajaan.
Bina - Pajakan - Pindah [<i>Build - Lease - Transfer</i> (BLT)] - Syarikat swasta membina kemudahan dengan pembiayaan sendiri. - Apabila siap, kemudahan berkenaan akan digunakan oleh Kerajaan. - Sebagai balasan, syarikat akan mengenakan sewaan kepada Kerajaan untuk suatu tempoh yang panjang contohnya selama 25 tahun. - Selepas tempoh tersebut, kemudahan berkenaan akan diserahkan kepada kerajaan.
Bina - Kendali - Milik [<i>Build - Operate - Own</i> (BOO)] - Syarikat swasta membiayai pembinaan dan mengendalikan kemudahan tanpa menyerahkan aset tersebut kepada Kerajaan. - Dalam tempoh konsesi, syarikat dibenar mengenakan caj kepada pengguna kemudahan atau perkhidmatan berkenaan.
Bina - Pajakan - Selenggara – Pindah [<i>Build - Lease - Maintain - Transfer</i> (BLMT)] - Syarikat swasta membina dan menyelenggara kemudahan Kerajaan dengan pembiayaan sendiri sepanjang tempoh konsesi. - Kerajaan akan hanya membuat bayaran sekiranya perkhidmatan itu menepati tahap perkhidmatan yang telah dipersetujui (<i>pre-agreed service level</i>) atau Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicator- KPI</i>) yang telah ditetapkan. - Kemudahan tersebut akan menjadi milik kerajaan setelah tamat tempoh konsesi.



Pembangunan Tanah Bersepakat – PTB (*Land Readjustment Scheme*)

Kaedah pembangunan tanah bersepakat berkonsepkan pembangunan secara komprehensif melibatkan pemilik-pemilik tanah secara sepakat bergabung dan menyatukan tanah-tanah mereka serta mengagihkannya mengikut pelan susun atur yang dipersetujui. Pendekatan ini membolehkan perkara berikut dibangunkan tanpa perlu pengambilan tanah secara wajib.

- I. Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan, parit, kawasan lapang, rekreasi dan lain-lain mengikut piawaian; Sektor awam menentukan spesifikasi output perkhidmatan bagi tempoh konsesi;
- II. Dapat menyediakan tanah untuk kemudahan awam seperti sekolah, masjid, balai bomba dan lain-lain; Sektor awam menentukan spesifikasi output perkhidmatan bagi tempoh konsesi;
- III. Pengubahan setiap lot mengikut bentuk, saiz dan lokasi dapat meningkatkan utiliti dan nilai serta nilai tanah pemilik; dan
- IV. Dengan menyediakan tanah kewangan yang boleh dijadikan modal dan habuan pengagihan kepada pemilik-pemilik tanah.



MDT Sebagai Penyelaras Cadangan Rancangan Kawasan Khas, Pelan Tindakan Khas atau Pelan Induk

Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan suatu rancangan pemajuan yang terperinci untuk tujuan pelaksanaan. Penyediaannya dan kuatkuasanya sama seperti mana Rancangan Tempatan. Jawatankuasa Perancang Negeri yang akan meluluskan RKK ini. RKK ini disediakan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) mengikut seksyen 16B (i), (ii) dan (iii), yang mana Pengarah JPBD/PBT bertanggungjawab untuk menyediakan RKK ini. Berikut merupakan cadangan RKK di dalam kawasan pentadbiran MDT.



Strategi Pembangunan dan Cadangan Projek

Perancangan pelaksanaan cadangan projek dan program pembangunan bagi RT Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) terbahagi kepada tiga (3) fasa pelaksanaan yang ditentukan dengan mengambil kira faktor seperti keutamaan serta skala projek / program tersebut. Bagi projek berskala kecil, projek bersifat *quick-win* dan projek yang tidak melibatkan kos yang besar, ianya mudah untuk disegerakan pelaksanaannya. Namun, bagi projek *flagship* atau projek berskala besar, ia memerlukan proses perancangan terperinci yang teliti dan sumber peruntukan yang besar sebelum boleh dilaksanakan. Secara amnya, fasa pembangunan ini ditentukan bagi memastikan setiap cadangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan sistematik secara berperingkat berdasarkan kepada keutamaan dan kepentingannya.

Bahagian ini juga disediakan dengan tujuan khas untuk memudahkan agensi-agensi pelaksana dalam membuat perancangan, penyelarasan dan rangka kerja bagi tujuan pelaksanaan projek yang telah dirancang berdasarkan jadual dan tempoh masa yang telah diberikan. Keseluruhan bilangan projek dan program pembangunan yang dicadangkan dalam RT Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) serta anggaran kos yang terlibat adalah seperti di Jadual 1.4 dan Jadual 1.5.

VISI

DAERAH LESTARI, BERDAYA MAJU DAN BERDAYA HUNI

MATLAMAT

“Batang Padang Sebagai Daerah Pelancongan, Pendidikan dan Industri Sumber Jaya”

OBJEKTIF

Mengekalkan kelestarian kawasan alam semula jadi serta mengukuhkan imej bandar

Merangsang pertumbuhan pembangunan dan ekonomi yang berdaya maju serta produktif

Meningkatkan kualiti kehidupan dengan penyediaan kemudahan yang mencukupi di bandar dan luar bandar

TERAS

TERAS 1



**KELESTARIAN ALAM
SEKITAR DAN BANDAR
YANG INKLUSIF**

TERAS 2



**PERTUMBUHAN
PENGANGKUTAN DAN
EKONOMI BERDAYA MAJU**

TERAS 3



**PERSEKITARAN HIDUP
YANG BERKUALITI DAN
BERDAYA HUNI**

RKK: Cadangan Rancangan Kawasan Khas Batang Padang Riverfront

PF 1: Cadangan Pembangunan Taman Eko Rimba Lata Kinjang dan Kampung Orang Asli Lata Kinjang.
PF 2: Cadangan Projek Cable Car Tapah – Ringlet.
PF 3: Cadangan Projek R&R Lata Kinjang.
PF 4: Pembangunan Bandar Integrasi Hub Getah Bidor.
PF 5: Pembangunan Asean Agrotech Distribution Centre Tapah
PF 6: Cadangan Kompleks Perniagaan Sentral Bidor
PF 7: Cadangan Jajaran Jalan Tapah – Parit di bawah Northern Corridor Highway

PF 8: Bandar Pendidikan di Kawasan Pertumbuhan Utama (KPU)



PROJEK FLAGSHIP

STRATEGI PEMBANGUNAN

STRATEGI S1.1 : T1.1 a
T1.1 b
T1.1 c
T1.1 d
T1.1 e

STRATEGI S1.2 : T1.2 a
T1.2 b
T1.2 c

STRATEGI S1.3 : T1.3 a
T1.3 b
T1.3 c
T1.3 d
T1.3 e

STRATEGI S1.4 : T1.4 a
T1.4 b
T1.4 c
T1.4 d
T1.4 e
T1.4 f
T1.4 g

STRATEGI S2.1 : T2.1 a
T2.1 b
T2.1 c

STRATEGI S2.2 : T2.2 a
T2.2 b
T2.2 c

STRATEGI S2.3 : T2.3 a
T2.3 b
T2.3 c

STRATEGI S2.4 : T2.4 a
T2.4 b
T2.4 c
T2.4 d

STRATEGI S2.5 : T2.5 a
T2.5 b
T2.5 c
T2.5 d

STRATEGI S2.6 : T2.6 a
T2.6 b
T2.6 c
T2.6 d

STRATEGI S2.7 : T2.7 a
T2.7 b

STRATEGI S2.8 : T2.8 a
T2.8 b
T2.8 c
T2.8 d
T2.8 e

STRATEGI S2.9 : T2.9 a
T2.9 b
T2.9 c

STRATEGI S2.10: T2.10 a

STRATEGI S3.1 : T3.1 a
T3.1 b
T3.1 c

STRATEGI S3.2 : T3.2 a
T3.2 b
T3.2 c
T3.2 d
T3.2 e
T3.2 f

STRATEGI S3.3 : T3.3 a

STRATEGI S3.4 : T3.4 a
T3.4 b

Rajah 2.2: Teras Pembangunan, Strategi Dan Cadangan / Projek



► 2.1.4 Perincian Program Dan Projek Pembangunan

Jadual 2.3 : Perincian Program Dan Projek Pembangunan

Kod	Projek / Program Pembangunan	Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)	Fasa Pelaksanaan		
					1	2	3
					2020	2026	2031
202520302035							
TERAS 1: KELESTARIAN ALAM SEKITAR DAN BANDAR YANG INKLUSIF							
RKK	Cadangan Rancangan Kawasan Khas Batang Padang <i>Riverfront</i>	- MDT - JLN - JPS - PTG					
STRATEGI S1.1 : Memperkukuhkan Kualiti Imej dan Reka Bentuk Bandar							
T1.1a	Pelan Induk Ruang Awam Bandar						
	a) Cadangan Projek Bidor Riverside	- MDT - JLN - JPS - Pemaju					
	b) Cadangan Pembangunan Taman Botanikal, Bidor	- JLN - PKNP - Jabatan Perhutanan - MDT					
	c) Cadangan Taman Bandar Bidor	- MDT - JLN - Pemaju					
	d) Cadangan Taman Tempatan Sungkai	- MDT - JLN - Pemaju					
	e) Cadangan Taman Rakyat Air Kuning	- MDT - JLN - Pemaju					
	f) Cadangan Kesenambungan Projek Taman TasikTemoh	- MDT - JLN - Pemaju					
T1.1b	Pelan Induk <i>Placemaking</i>						
	a) Cadangan <i>Baldwin Walk</i> Tapah	- PKNP - MDT - Pemilik/pemaju					
	b) Cadangan Uni Sentral <i>Walk</i> , Tapah	- PKNP - MDT - Pemilik/pemaju					
	c) Cadangan Bidor Raya <i>Walk</i>	- MDT - Pemilik/pemaju					
	d) Cadangan Sungkai Perdana <i>Walk</i>	- MDT - Pemilik/pemaju					
T1.1c	Cadangan Kualiti Visual : Mural	MDT			✓	✓	✓
T1.1d	Cadangan Menaik Taraf Imej dan Reka Bentuk Bandar Tapah	- MDT - Pemaju					
T1.1e	Cadangan Papan Tanda Persempadanan Daerah	- MDT - Pemilik/pemaju					
STRATEGI S1.2 : Mengenalpasti Kawasan-Kawasan KSAS Mengikut Kategori Dan Tahap Sensitiviti							
T1.2a	Pelindungan KSAS Tahap I (Penuh)	- Jabatan Perhutanan - Jabatan Alam Sekitar - PERHILITAN			✓	✓	✓
T1.2b	Pembangunan KSAS Tahap II (Terhad)	- Jabatan Perhutanan - Jabatan Alam Sekitar - PERHILITAN			✓	✓	✓
T1.2c	Pembangunan KSAS Tahap III (Terkawal)	- Jabatan Perhutanan - Jabatan Alam Sekitar - PERHILITAN			✓	✓	✓

●●● Sambungan

Kod	Projek / Program Pembangunan	Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)	Fasa Pelaksanaan		
					1	2	3
					2020	2026	2031
					2025	2030	2035
STRATEGI S1.3 : Pemeliharaan dan Pemuliharaan Kawasan Hutan Perlindungan, Central Forest Spine (CFS), Tadahan Air dan Hidupan Liar							
T1.3a	Cadangan Merizab dan Memelihara Tebing Sungai Serta Mewujudkan Zon Kawalan Sebagai <i>Greenways</i>	- Jabatan Perhutanan - JPS					
T1.3b	Cadangan Pengekalan Sedia Ada dan Penambahan Baru Hutan Tadahan Air dan Perlindungan Tanah HSK Bukit Tapah	- Jabatan Perhutanan - PERLIHITAN - LAP - TNB - JAS - PTG - PDT			✓	✓	✓
T1.3c	Cadangan Pemuliharaan Kawasan Hutan Simpan Dara dan Hutan yang Bernilai Pemeliharaan Tinggi (HCVF)	Jabatan Perhutanan			✓	✓	✓
T1.3d	Cadangan Mengukuhkan Fungsi Cadangan Pembangunan dan Pengurusan Rezab Hidupan Liar Sungkai	- PERHILITAN - Jabatan Perhutanan			✓	✓	✓
T1.3e	Cadangan Mengukuhkan Fungsi Koridor Central Forest Spine (CFS) Di CFS1-SL11-HS Bukit Kinta-HS Bujang Melaka Di Antara HS Bukit Tapah dan HS Bujang Melaka	- PERHILITAN - Jabatan Perhutanan			✓	✓	✓
STRATEGI S1.4 : Mengawal Aktiviti Pencemaran Di Punca							
T1.4a	Cadangan Menyediakan Zon Penampan dan Kawalan Efluen Penternakan Unggas dan Babi	- MDT - Jabatan Veterinar - JAS			✓	✓	✓
T1.4b	Cadangan Penutupan Ladang Ternakan Babi	- MDT - Jabatan Veterinar - JAS			✓	✓	✓
T1.4c	Cadangan Ladang Babi Moden (<i>Modern Pig Farming</i>) bagi Ladang Penternakan Babi Sedia Ada (yang dibenarkan)	- MDT - Jabatan Veterinar - JAS - PDT - Penternak babi			✓	✓	✓
T1.4d	Cadangan Menaik Taraf dan Peluasan Penambahan Kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Majlis Daerah Tapah di Bidor	- MDT - UPEN - JAS - SWCorp - PDT - JPSPN - PTG		12 Juta	✓	✓	✓
T1.4e	Cadangan Penguatkuasaan Pemasangan Perangkap Sampah	MDT					
T1.4f	Penguatkuasaan Sistem Perangkap Minyak bagi Premis Perniagaan Makanan/Penjaja	MDT					
T1.4g	Cadangan Kawalan Risiko Kuari	- MDT - JMG - JAS - Pengusaha Kuari			✓	✓	✓



Kod	Projek / Program Pembangunan	Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)	Fasa Pelaksanaan		
					1 2020 2025	2 2026 2030	3 2031 2035
TERAS 2: PERTUMBUHAN PEMBANGUNAN DAN EKONOMI BERDAYA MAJU							
PF 1	Cadangan Pembangunan Taman Eko Rimba Lata Kinjang dan Kampung Orang Asli Lata Kinjang.	- NCER - JKOA - MDT - MOTAC - Tourism Perak - UPEN Perak			✓	✓	✓
PF 2	Cadangan Projek <i>Cable Car</i> Tapah –Ringlet.	- MDT - JLN - Pemaju			✓	✓	✓
PF 3	Cadangan Projek Rehat dan Rawat (R&R) Lata Kinjang.	- UPEN - Tourism Perak - PDT - MDT - Pemaju			✓	✓	✓
PF 4	Pembangunan Bandar Integrasi Hub Getah Bidor.	Pemaju			✓	✓	✓
PF 5	Pembangunan <i>Asean Agrotech Distribution Centre</i> Tapah	- MIDA - MDT - Tapah Holdings Sdn Bhd			✓	✓	✓
PF 6	Cadangan Kompleks Perniagaan Sentral Bidor	- MDT - Pemaju			✓	✓	✓
PF 7	Cadangan Jajaran Jalan Tapah – Parit di bawah <i>Northern Corridor Highway</i>	NCIA			✓	✓	✓
STRATEGI S2.1 : Memperkukuhkan Menjenama Semula dan Mempromosi Produk Pelancongan							
T2.1a	Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Sokongan di Hutan Lipur Kuala Woh	- Jabatan Perhutanan - MOTAC Perak - UPEN Perak - MDT - PDT - Badan Pengurusan			✓	✓	✓
T2.1b	Cadangan Pembangunan dan Penjenamaan Semula Rumah Rehat Tapah	- UPEN; - MDT - PKNP; - Tourism Perak; - PDT			✓	✓	✓
T2.1c	Cadangan Transformasi Bangunan Lama Majlis Daerah Tapah Sebagai Muzium dan Pusat Budaya	- Jabatan Warisan - Tourism Perak - MDT - PDT			✓	✓	✓
STRATEGI S2.2 : Mengenalpasti dan Mewujudkan Produk Pelancongan Baharu Yang Pelbagai							
T2.2a	Cadangan Menggalakkan Pembangunan Resort Berkonsepkan Agro-Pelancongan di Tanah Pertanian Berpotensi	- MDT - Jabatan Pertanian - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) - Jabatan Pelancongan			✓	✓	✓
T2.2b	Cadangan Pakej Pelancongan Batang Padang	- MDT - MOTAC Perak - Tourism Perak - Jabatan Perhutanan - Pengusaha			✓	✓	✓
T2.2c	Cadangan Program Tahunan Pelancongan	- MDT - MOTAC Perak - NGO/Penganiur			✓	✓	✓

Kod	Projek / Program Pembangunan	Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntuk	Anggaran Kos Projek (RM)	Fasa Pelaksanaan		
					1	2	3
					2020	2026	2031
2025 2030 2035							
STRATEGI S2.3 : Menyediakan dan Menaik Taraf Infrastruktur							
T2.3a	Membina Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) di Bandar Tapah, Bandar Bidor dan Sungkai	- SPAN - IWK			✓	✓	✓
T2.3b	Cadangan Tebatan Banjir Bagi Daerah Batang Padang	JPS			✓	✓	✓
T2.3c	Meluaskan Liputan High Speed Broadband (HSBB) dan 5G	- SKMM - TM			✓	✓	✓
STRATEGI S2.4 : Mempergiatkan Program Pengurusan Tanah Pertanian Secara Bersepadu							
T2.4a	Cadangan Meningkatkan Produktiviti Pertanian Kelapa Sawit dan Tanaman Getah	- RISDA - FELDA - FELCRA - Estet Swasta			✓	✓	✓
T2.4b	Peningkatan Produktiviti Tanaman Buah-buahan, Sayur-sayuran dan Tanaman Lain	- Jabatan Pertanian Daerah - PPK			✓	✓	✓
T2.4c	Peningkatan Produktiviti Ternakan Lembu, Kambing dan Biri-Biri	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah - MDT - Pengusaha dan penternak sedia ada dan baru			✓	✓	✓
T2.4d	Peningkatan Produktiviti Ternakan Ayam Secara Mesra Alam	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah - MDT - Penternak ayam			✓	✓	✓
STRATEGI S2.5 : Mempergiatkan Program Pembangunan Semula Tanah Pertanian, Penternakan dan Akuakultur							
T2.5a	Pewartaan dan Peningkatan Produktiviti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Sungkai	- Jabatan Pertanian Daerah - Sektor Swasta			✓	✓	✓
T2.5b	Pembangunan Semula Tanah PertanianTerbiar dan Kawasan Pertanian yang Tidak Diusahakan Secara Ekonomik	- Jabatan Pertanian Daerah - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah - Jabatan Perikanan Daerah - RISDA - FELCRA - Pemilik tanah/pekebun kecil			✓	✓	✓
T2.5c	Mengekal dan Mewartakan Rezab Padang Ragut	- Kementerian Pertanian - Pihak Berkuasa Negeri - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah - MDT - PDT			✓	✓	✓
T2.5d	Peningkatan Produktiviti Akuakultur	- Jabatan Perikanan Daerah - MDT - Penternak akuakultur			✓	✓	✓



Kod	Projek / Program Pembangunan	Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)	Fasa Pelaksanaan		
					1 2020 2025	2 2026 2030	3 2031 2035
STRATEGI S2.6 : Membangunkan Aktiviti Industri di Kawasan Perindustrian Yang Telah Dizonkan							
T2.6a	Cadangan Membangunkan Semula dan Mempromosikan Kawasan Perindustrian @Silver Valley Chenderiang Berasaskan Sumber Mineral	- UPEN Perak - PKNP - Invest Perak - MIDA - MDT - Pemaju dan pelabur					
T2.6b	Membangunkan Taman Perindustrian Akuakultur @Silver Valley Banir Berasaskan Sumber Perikanan	- MIDA - PKNP - MDT - Gas Malaysia - Jabatan Perikanan - Pemaju dan pelabur					
T2.6c	Membangunkan Semula dan Mempromosikan Zon Perindustrian Taman Perindustrian @Silver Valley Bidor	- MIDA - PKNP - MDT - Gas Malaysia - Pemaju dan pelabur					
T2.6d	Membangunkan Zon IndustriHiliran @Silver Valley Sungkai Berasaskan Sumber Kelapa Sawit	- MIDA - FELDA - MDT - Gas Malaysia - Pemaju dan pelabur					
STRATEGI S2.7 : Mempergiatkan Aktiviti Industri Melalui Galakan Pelaburan Industri Baharu							
T2.7a	Cadangan Malaysian Defense And Security Technology Park, Sungkai	MINDEF					
T2.7b	Membangunkan Solar Farm di Daerah Batang Padang	- Suruhanjaya Tenaga (ST) - SEDA - KeTSA - TNB - PBT - Pemaju					
STRATEGI S2.8 : Memperkukuhkan Fungsi Pusat Perniagaan dan Kawasan Brownfield							
T2.8a	Cadangan Kompleks Penjaja Bersepadu di Tapah	- MDT - PDT - Pemilik/ Pemaju					
T2.8b	Cadangan Kompleks Sentral Sungkai Perdana	- PKNP - MDT - Pemilik/ Pemaju					
T2.8c	Cadangan Pasar Baru Bidor	- PKNP - PKNP - MDT - Pemilik/ Pemaju					
T2.8d	Cadangan Pembangunan Semula Kawasan Brownfield Pusat Bandar (Tapah Bidor & Sungkai)	- MDT - Pemilik					
T2.8e	Cadangan Pembangunan Semula Brownfield Luar Pusat Bandar (Chenderiang)	- MDT - Pemilik					
STRATEGI S2.9 : Menyediakan Rangkaian Perhubungan Pengangkutan Jalanraya Yang Berkualiti Dan Mudah Sampai							
T2.9a	Menaik Taraf dan Membina Rangkaian Jalan Raya Baharu	JKR					
T2.9b	Cadangan Membina Jambatan Baharu dan Menaiktaraf Jambatan serta Persimpangan Sediaada	- JKR - MDT - Pemaju					
T2.9c	Cadangan Laluan Sehala	- JKR - Majlis Daerah Tapah - Perunding Trafik					
T2.9d	Cadangan Laluan Baharu Pengangkutan Awam	- MDT - PKLB - Pengusaha Bas					
T2.9e	Menyediakan Sistem Jaringan Berjalan Kaki dan Berbasikal di Bandar Tapah	- JKR - MDT - Pemaju		RM25 Juta			

● ● ● Sambungan

Kod	Projek / Program Pembangunan	Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)	Fasa Pelaksanaan		
					1 2020 2025	2 2026 2030	3 2031 2035
TERAS 3: PERSEKITARAN HIDUP YANG BERKUALITI DAN BERDAYA HUNI							
PF 9	Bandar Pendidikan di Pertumbuhan Kawasan Utama (KPU)	- KPM - JPN Perak - MDT		RM 35 Juta	✓	✓	✓
STRATEGI S3.1 : Menggalakkan Pembangunan Perumahan Yang Inklusif							
T3.1a	Pembangunan Perumahan Selaras Dan Mematuhi Dasar Semasa Negara Dan Negeri	MDT		-			
T3.1b	Membangunkan Semula Kawasan Perumahan Yang Terbengkalai	MDT		-	✓	✓	✓
T3.1c	Cadangan Kejiranan Hijau	- MDT - PLANMalaysia@Perak - Pemilik Bangunan - Persatuan Kejiranan					
STRATEGI S3.2 : Memperkasa Fungsi, Pembangunan Fizikal Serta Sosio Ekonomi Petempatan Desa dan Orang Asli							
T3.2a	Memperkukuh Fungsi Pusat Pertumbuhan Desa	- MDT - PDT - UPEN Perak - KPLB - Pemaju Swasta		RM 15 Juta	✓	✓	✓
T3.2b	Membangunkan Projek Perumahan Melalui Petempatan Baru Yang Bersepadu Untuk Orang Asli	- MDT - PDT - JAKOA Daerah Batang Padang - Pemaju Swasta		RM 24 Juta	✓	✓	✓
T3.2c	Mewartakan Petempatan Kampung Orang Asli	- PDT - JAKOA Daerah Batang Padang		Tiada Kos Fiskal	✓	✓	✓
T3.2d	Menyedia dan Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Di Dalam Petempatan Kampung Orang Asli	- MDT - PDT - JAKOA Daerah Batang Padang		RM 5 Juta	✓	✓	✓
T3.2e	Menyedia Dan Menaiktaraf Kemudahan Awam Hierarki Rendah Di Dalam Petempatan Kampung Orang Asli	- MDT - PDT - JAKOA Daerah Batang Padang - Pemaju Swasta		RM 3 Juta	✓	✓	✓
T3.2f	Meningkatkan Tahap Sosio Ekonomi Penduduk Orang Asli	- MDT - PDT - JAKOA Daerah Batang Padang		RM 30 Juta	✓	✓	✓
STRATEGI S3.3 : Menempatkan Semula Bangunan Pentadbiran Kerajaan							
T3.3a	Pusat Pentadbiran di Kawasan Pertumbuhan Utama (KPU)	- KPM - JPN Perak - MDT		Tiada Kos Fiskal	✓	✓	✓
STRATEGI S3.4 : Menyediakan Kemudahan Awam Yang Mencukupi							
T3.4 a	Cadangan Kemudahan Awam Daerah Batang Padang	- MDT - KKM - JKN Perak - JKD Batang Padang - PDRM - Pemaju		Tiada Kos Fiskal	✓	✓	✓
T3.4 b	Cadangan Padang Hoki di Tapah Road	- Pemaju - MDT		Tiada Kos Fiskal	✓	✓	✓



2.2

Transformasi Urus Tadbir MDT

2.2.1 Naik Taraf Kepada Majlis Perbandaran

Majlis Daerah Tapah berhasrat untuk menaik taraf kepada Majlis Perbandaran. Antara kriteria-kriteria penting yang perlu dicapai oleh MDT bagi mencapai status Majlis Perbandaran adalah seperti berikut:

Jadual 2.4 : Status Pencapaian Berdasarkan Kriteria Perbandaran

Bil	Kriteria	Status Terkini	Status Pencapaian	Tindakan
1	Bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah daerah atau negeri	Bandar Tapah dikategorikan sebagai pusat separa wilayah negeri dan merupakan bandar utama. Terdapat pelbagai pejabat pentadbiran dan kemudahan seperti Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang, Majlis Daerah Tapah, mahkamah, hospital dan Ibu Pejabat Polis Daerah.	√	Walaupun kriteria ini telah dicapai, tetapi pusat bandar tapah perlu dinaiktaraf selari dengan status perbandaran.
2	Kepadatan penduduk tidak kurang daripada 150,000 orang	Pada tahun 2018 bilangan penduduk adalah 129,100 orang.	×	Jumlah penduduk perlu ditingkatkan dan berdasarkan unjuran, bilangan penduduk melebihi 150,000 orang dapat dicapai pada tahun 2030.
3	Pendapatan dan sumber kewangan mampan dan melebihi RM20 juta setahun dan berupaya menyediakan perkhidmatan yang selesa	Pada tahun 2018, pendapatan MDT adalah RM 13.1 juta.	×	Berdasarkan analisis yang dijalankan, pendapatan PBT melebihi RM20 juta dapat dicapai pada tahun 2031 dengan mengambilkira pertambahan hasil selepas pewartaan RTDBP 2035.
4	Menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga dan menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial	Terdapat banyak ruang perniagaan telah disediakan dan ditawarkan terutama di bandar utama di dalam daerah seperti Tapah, Bidor dan Sungkai.	√	Terdapat juga beberapa projek komited dan perancangan baru di dalam kawasan RTDBP seperti di Bandar Pendidikan di Tapah Road, Asean Agrotech Distribution Center di Tapah, Bandar Baru Bidor, Sentral Bidor dan Sentral Sungkai.
5	Perancangan bandar yang mampan (<i>sustainable</i>) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami.	Daerah Batang Padang mempunyai jaringan infrastruktur utama seperti lebuh raya, jala raya dan keretapi. Kawasan MDT boleh dihubungkan melalui Lebuh Raya Utara Selatan.	√	Perlu penambahbaikan infrastruktur dan sistem jaringan jalan raya yang lebih baik
6	Menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program Local Agenda 21 (LA 21)	Terdapat pelbagai program komuniti telah dijalankan di MDT	√	



Berdasarkan cadangan pembangunan RTDBP 2035 (Penggantian), penduduk Daerah Batang Padang pada tahun 2035 dijangka mencecah 170 ribu. Dari sudut penduduk, Daerah Batang Padang dijangka memenuhi satu dari dua faktor penting untuk melayakkan Batang Padang ditadbir oleh sebuah Majlis Perbandaran. Bagaimanapun, isu yang ketara adalah sebahagian penduduk ini akan tinggal di luar kawasan operasi Majlis Daerah Tapah, bermakna di luar kawasan perbandaran.

Faktor kedua melibatkan hasil/pendapatan Majlis Daerah Tapah. Syarat semasa, mengikut garis panduan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melayakkan mana-mana Majlis Daerah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran adalah pendapatan majlis melebihi RM 20 juta setahun. Buat masa ini, pendapatan majlis pada tahun semasa adalah kurang dari RM 15 juta merujuk kepada pendapatan hasil dan bukan hasil MDT. Berdasarkan cadangan pembangunan RTDBP 2035 (Penggantian), perluasan kawasan operasi dan perbandaran, termasuk cadangan menaikkan pelbagai kadar dan sewa yang dikenakan oleh majlis. Majlis Daerah Tapah berpotensi mencatat hasil pendapatan melebihi RM 16 juta menjelang tahun 2026 dan RM 20 juta tahun 2031 (tahun sasaran naik taraf).



Rajah 2.3 : Proses Menaiktaraf MDT Kepada Status Perbandaran




2.2.2 Perluasan Kawasan Operasi MDT


Pengistiharaan perluasan kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tapah seluas 179,808.14 hektar adalah meliputi keseluruhan Mukim Chenderiang (kecuali kawasan Mambang Diawan dibawah PBT Majlis Daerah Kampar), Mukim Batang Padang, Mukim Bidor dan Mukim Sungkai melalui Warta Kerajaan Negeri Perak 2139 bertarikh 19 November 2015 (rujuk Rajah 2.5). Dengan adanya peluasan kawasan ini, perkhidmatan yang disediakan MDT akan dapat diperluaskan bagi manfaat bersama. Di samping perkhidmatan itu juga, MDT akan dapat menambah sumber pendapatan dan seterusnya dapat mengukuhkan lagi kedudukan kewangan MDT.

MDT juga dicadangkan supaya memperluaskan kawasan operasi meliputi Kawasan tepubina sedia ada dan pembangunan komited. Buat masa ini kawasan operasi merangkumi kawasan bandar dan taman perumahan dengan keluasan 11,402,7 hektar. Kawasan ini merangkumi hampir 20,800 iaitu 32,000 (jumlah isi rumah) x 60% isi rumah.

Masih terdapat kawasan yang boleh dikategorikan kawasan bandar yang harus diberikan perkhidmatan perbandaran oleh Majlis Daerah Tapah. Kawasan-kawasan ini boleh dimasukkan sebagai kawasan operasi Majlis Daerah Tapah. Untuk tujuan itu tindakan berikut, antaranya disebut dalam perkara di atas, dicadangkan. Kawasan operasi juga akan dilaksanakan untuk kutipan cukai dan penyaluran perkhidmatan perbandaran bagi kawasan pembangunan baharu (skim perumahan, perindustrian, komersial dan lain-lain).



Rajah 2.4. Tindakan memperluaskan Kawasan operasi MDT



Rajah 2.5 : Lokasi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kampar seluas 262.30 hektar.




► 2.2.3 Pengukuhan Organisasi

Majlis Daerah Tapah mempunyai seramai 169 kakitangan semua peringkat, termasuk Yang Di Pertua Majlis. Ketua Pegawai Eksekutif Majlis adalah Setiausaha yang berkhidmat di Majlis Daerah Tapah sepenuh masa. Beliau adalah pegawai pentadbir utama yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran Majlis. Dalam menjalankan tanggungjawab beliau, Setiausaha Majlis dibantu oleh ketua-ketua jabatan dan unit yang berkelayakan. Majlis Daerah juga mengambil khidmat pakar dan profesional bila perlu bagi membantu menjalankan kerja-kerja yang ia tiada pekakan dan kakitangan terlatih.

► Penstrukturan Semula Organisasi Majlis Daerah Tapah

Penstrukturan semula organisasi MDT adalah ke arah menaik taraf institusi itu sebagai sebuah Majlis Perbandaran. Jumlah perjawatan di MDT di tambah dan di naik taraf dengan memberikan jawatan Gred 41 hingga Gred 48 bagi ketua jabatan selaras dengan hasrat Majlis ingin menaiktaraf MDT kepada Majlis Perbandaran. Struktur organisasi yang dirangka dinyatakan dalam Rajah 2.6. Carta ini hanya menunjukkan struktur sementara majlis menjelang kenaikan taraf majlis kepada perbandaran. Ahli Majlis, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri seharusnya memuktamadkan struktur majlis perbandaran mengikut keperluan perkhidmatan dan perjawatan yang diluluskan.

Rajah 2.6 : Cadangan Struktur Organisasi Interim Majlis Perbandaran Tapah





Jadual 2.5 : Cadangan Tambahan Kakitangan RTDBP 2035

BIL	JABATAN/UNIT	JUMLAH SEMASA	UNJURAN 2025
PEJABAT YANG DIPERTUA			
1	Bilik YDP	1	2
2	Bilik Setiausaha	1	2
3	Unit Pusat Khidmat Setempat (OSC)	4	10
4	Unit Perundangan	2	6
5	Unit Audit Dalam	2	10
6	Unit Korporat, Perhubungan Awam & Pelancongan	4	13
JUMLAH		14	43
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN			
7	Khidmat Pengurusan	19	43
8	Unit Teknologi Maklumat (IT)	2	10
JUMLAH		21	53
JABATAN PERBENDAHARAAN			
9	Perbendaharaan	12	24
10	Unit Tunggakan Hasil	5	5
JUMLAH		17	29
JABATAN PERANCANGAN, PEMBANGUNAN & LANDSKAP			
11	Perancangan dan GIS	5	15
12	Unit Landskap	18	38
JUMLAH		23	53
JABATAN KEJURUTERAAN & BANGUNAN			
13	Kejuruteraan & Bangunan	8	24
14	MARRIS	3	3
JUMLAH		11	27
JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA			
15	Penilaian dan Pengurusan Harta	8	20
JUMLAH		8	20
JABATAN KESIHATAN AWAM & PERKHIDMATAN PERBANDARAN			
16	Unit Pelesenan & Sewaan	9	18
17	Unit Aman Bandar	15	38
18	Unit Bersih Bandar, Jabatan Kesihatan Awam & Perkhidmatan Perbandaran	30	90
JUMLAH		54	146
JABATAN PENGUATKUASAAN			
19	Penguatkuasaan	21	75
JUMLAH		21	75
JUMLAH KESELURUHAN		169	446



2.2.4 Kemahiran dan Latihan Kakitangan

Pembangunan teknologi dalam pekerjaan dapat membantu dalam meningkatkan prestasi pegawai serta tenaga kerja. Keberkesanannya dapat diukur berdasarkan peningkatan produktiviti dan penerimaan dalam menggunakan sistem yang mana dapat membantu meningkatkan penghasilan produk kerja yang bermutu. Ianya juga banyak membantu dalam komunikasi, meningkatkan intergrasi pekerja, meningkatkan produktiviti dan penyampaian maklumat.

Pengukuhan kemahiran teknologi ICT melalui pendedahan kursus relearning dan kemahiran perkomputeran terkini selaras dengan teknologi IR 4.0

1

Menaik taraf Infrastruktur dan kelengkapan computer dan IT yang lama di pejabat serta melengkapkan pegawai dengan kelengkapan IT yang terkini untuk menjayakan usaha ke atas Bandar Pintar (*Smart City*).

2

Pendedahan program Latihan kemahiran teknologi ICT Khususnya di dalam pengendalian aplikasi terkini seperti pengimejan drone, pengendalian aplikasi smart city perlulah diperkukuhkan bagi mencapai matlamat IR 4.0. Antara elemen dan program baru yang boleh dipelajari dan dilaksanakan adalah seperti berikut :

Objek rangkaian internet (IoT)

Kepintaran buatan AI

Data Analitik

Pemprosesan Imej

Perisian

Sistem Komunikasi Mudah Alih

Percetakan 3 Dimensi

Keselamatan Siber

Dengan itu, secara tidak langsung membuktikan revolusi dan perkembangan teknologi amatlah diperlukan di dalam memastikan kelancaran program-program berasaskan ICT dalam membantu menjayakan inisiatif kerajaan khususnya Majlis Daerah Tapah selaras dengan mencapai matlamat bandar pintar.

2.2.5 Menggalakkan Inovasi dan Kolaborasi

Galakkan perlu diberikan terhadap penglibatan dan kerjasama MDT dengan agensi di peringkat persekutuan dan negeri, swasta, PLANMalaysia dan pihak universiti untuk menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menambahbaik tahap pengurusan dan pelaksanaan RTDBP 2035 (Penggantian)

Tindakan :

- Pengukuhan kemahiran teknologi ICT melalui pendedahan kursus *relearning* dan kemahiran perkomputeran terkini selaras dengan teknologi IR 4.0.
- Menaik taraf Infrastruktur dan kelengkapan komputer dan IT yang lama di pejabat serta melengkapkan pegawai dengan kelengkapan IT yang terkini untuk menjayakan usaha ke atas Bandar Pintar (*Smart City*).

Antara inovasi dan kajian yang dapat dilakukan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah:



Kaedah pengawalan yang boleh diterapkan oleh MDT bagi mengawal pelepasan sisa pepejal dan sisa kilang ke dalam sungai bagi menjamin keselamatan alam sekitar.



Langkah-Langkah adaptasi serta mitigasi yang berinovasi bagi membantu MDT mengurangkan impak bencana terutamanya di kawasan risiko bencana



Kajian khusus untuk kawasan - kawasan yang mempunyai nilai keunikan dan kekuatan bagi Daerah Batang Padang.



Rajah 2.7 : Penglibatan dan kerjasama MDT dengan agensi luar



► 2.2.6 Pengurusan Data dan Teknologi Maklumat

Mempertingkat dan Kemaskini Pengurusan Data dan Maklumat

Matlamat komponen ini adalah untuk memastikan data dan maklumat perancangan dan pengurusan MDT adalah tepat dan terkini. Ini akan membolehkan MDT menerima maklumat dengan pantas untuk tujuan perancangan dan membuat keputusan. Melalui sistem maklumat berkomputer yang cekap, sudah pasti kakitangan pengurusan MDT boleh membuat keputusan berdasarkan informasi yang terkini. Ahli Majlis juga akan memainkan peranan untuk mengemaskini data dan maklumat bagi kawasan masing-masing. Antara pendekatan yang perlu dilaksana untuk mencapai matlamat ini adalah:



Rajah 2.8 : Komponen mempertingkatkan pengurusan data dan maklumat

Pangkalan Data Pengurusan Pembangunan Daerah Batang Padang

Rajah berikut menerangkan proses pengumpulan data dan maklumat oleh sistem dalam pangkalan data yang dicadang. Pangkalan data ini akan memanfaatkan proses perancangan MDT dan memudahkan MDT memantau pelaksanaan cadangan pembangunan Rancangan Tempatan dan proses membuat keputusan ke atas permohonan untuk memajukan mana-mana kawasan. Dengan menghubungkan semua agensi daerah dan pelaksana pembangunan dalam satu pangkalan data, MDT akan mempunyai akses berkaitan pembangunan yang dilaksana di Daerah Batang Padang. Akses yang sama juga dipanjangkan kepada semua agensi awam yang beroperasi di Batang Padang.



Rajah 2.9 : Komponen Mempertingkatkan Pengurusan Data Dan Maklumat

MDT sebagai pengendali pangkalan data ini akan memproses dan mengemaskini maklumat pembangunan untuk tujuan perancangan. Dalam pada itu, MDT juga boleh membantu Jawatankuasa Perancangan Daerah dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Batang Padang mengguna data yang disediakan sebagai sumber maklumat perancangan. Selain itu, maklumat yang ada boleh disalurkan ke PLANMalaysia@Perak untuk tujuan pemantauan, kawalan pembangunan dan perancangan peringkat negeri. Melalui maklum balas dari pihak awam, khususnya penduduk Daerah Batang Padang, MDT juga boleh mengemaskini maklumat guna tanah dan pembangunan.



2.3

Transformasi Pengurusan Kewangan MDT

2.3.1 Meningkatkan Pendapatan dan Sumber Kewangan

Struktur kewangan MDT menunjukkan keadaan yang tidak stabil hampir setiap tahun dari tahun 2016 hingga 2020, iaitu perbelanjaan melebihi pendapatan (defisit) sebagaimana Jadual 2.6. Oleh itu, sumber pendapatan MDT perlu dirancang dengan lebih teratur untuk melonjakkan nilai pendapatan pada setiap tahun. Dengan pelaksanaan projek/program RT Daerah Batang Padang 2035 dan peluasan kawasan operasi MDT pada masa hadapan, dijangka penambahan jumlah kelulusan KM dan kutipan cukai oleh MDT di masa depan akan meningkatkan hasil cukai dan bukan cukai MDT. Namun demikian, pelaksanaan projek/program RT, terutama di fasa pertama, memerlukan peruntukan yang mencukupi. Di antara sumber yang diharapkan adalah daripada :



Unjuran pendapatan MDT menjangkakan peningkatan sehingga 2-3% setiap tahun sehingga tahun 2035. Situasi ini menunjukkan ekonomi daerah Batang Padang akan berkembang maju dan mampu menjana semula hasil pendapatan bagi PBT.

Jadual 2.6 menunjukkan trend hasil pendapatan Majlis Daerah Tapah 2016-2020

Tahun	Pendapatan	%	Perbelanjaan	%	Lebih / (Kurang)
2016	13,939,797.00	-	11,006,648.00	-	2,933,149.00
2017	13,999,567.00	0.4	12,805,923.00	14.1	1,193,644.00
2018	13,197,624.00	5.7	10,885,130.00	15.0	2,312,494.00
2019	34,325,303.00	61.6	32,201,483.00	66.2	2,123,820.00
2020	25,839,239.00	24.7	28,221,364.00	12.4	(2,382,125.00)

Jadual 2.7: Strategi Bagi Meningkatkan Hasil Pendapatan MDT

STRATEGI	TINDAKAN
Pungutan Cukai Taksiran Tertunggak	- Cukai taksiran merupakan sumber pendapatan utama MDT. - Cukai taksiran yang tertunggak perlu dipungut untuk mempertingkatkan pendapatan MDT. - Mempelbagaikan kaedah pembayaran seperti melalui aplikasi atas talian (<i>online</i>) dan bank. - Mengenal pasti maklumat-maklumat premis yang boleh mendatangkan hasil melalui pungutan cukai dikemaskini. - Tindakan yang lebih tegas perlu dikenakan kepada pemilik cukai tertunggak seperti menyita harta melalui notis amaran dan notis bayaran. - Penilaian semula ke atas kesemua pegangan di dalam kawasan pentadbiran MDT dan penguatkuasaan kadar nilai baru. Taksiran atau dikenali sebagai cukai pintu dikenakan ke atas harta-harta atau pegangan dalam kawasan PBT: - Rumah kediaman - Harta perniagaan/ perusahaan <i>Homestay</i> - Lesen Penjaja
Pemutihan Industri Tanpa Kebenaran	- MDT perlu melaksanakan program pemutihan industri tanpa kebenaran melalui pengezonan kawasan tersebut sebagai industri. - Industri ini mestilah mendapatkan lesen/permohonan tukar syarat (sekiranya berkaitan) untuk meningkatkan hasil kutipan bayaran.
Keperluan Untuk Memiliki Aset Tetap/Pembangunan Hartanah	MDT perlu memiliki aset tetap seperti tanah yang boleh dibangunkan dengan cadangan pembangunan yang melibatkan projek pembangunan dan mampu memberi pulangan kepada PBT.
Menubuhkan Perbadanan	- Merujuk kepada Seksyen 41, Akta 172 di mana Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) boleh menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan memegang tanggungjawab dan pengurusan projek untuk memajukan sesuatu kawasan pemajuan. - Membantu PBT mempertingkatkan kemampuan dan meningkatkan hasil pendapatan.
Peningkatan Penglibatan Sektor Swasta Dalam Pembangunan Daerah Batang Padang	- Mewujudkan usahasama dengan pihak swasta dalam membangunkan tanah. - MDT perlu mengenal pasti tanah/ projek pembangunan yang berpotensi dilaksana secara penswastaan. - Proses kelulusan perancangan hendaklah dipermudahkan dan dipercepatkan untuk menjadi lebih efisien. - Insentif kepada pihak swasta untuk menyumbang kepada pembangunan kemudahan bandar. - Harta dan kemudahan yang dimiliki oleh PBT boleh dipajakkan kepada sektor swasta bagi tempoh tertentu. Pihak PBT boleh mengenakan bayaran sewa dan ini akan membantu meningkatkan sumber pendapatan PBT.
Pungutan Hasil Bukan Cukai	Hasil pendapatan MDT boleh ditingkatkan dengan peluasan kutipan bayaran tempat letak kereta, tandas awam dan lain-lain perkhidmatan yang bersesuaian.
Peruntukan Kewangan Dari Kerajaan	Usaha bagi mendapatkan kuota peruntukan kewangan yang lebih tinggi dari kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri perlu dipertingkat bagi menampung keperluan luar jangka.

Sumber : Kajian RTDBP 2035 (Penggantian)



Caj Pemajuan (*Development Charge*)

“Jika sesuatu rancangan tempatan atau sesuatu perubahan rancangan tempatan mengakibatkan suatu perubahan penggunaan , ketumpatan atau luas lantai berkenaan dengan mana-mana tanah sehingga menaikkan nilai tanah itu, suatu caj pemajuan hendaklah dilevi berkenaan dengan mana-mana pemajuan tanah yang dimulakan, diusahakan, atau dijalankan mengikut perubahan itu.” Caj pemajuan merupakan satu bentuk kutipan wang berkaitan pemajuan yang diperuntukkan di bawah seksyen 32 Akta 172. Caj pemajuan dikenakan sekiranya terdapat RT atau perubahan kepada RT yang menyebabkan kenaikan nilai tanah. Menurut subseksyen 33(2) Akta 172, amaun caj pemajuan yang ditentukan oleh PBPT adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah. Tiga jenis perubahan boleh dikenakan caj pemajuan:

SUBSEKSYEN 32 (1)

ii. Perubahan ketumpatan (density);



i. Perubahan guna tanah;



Kadar caj yang dikenakan adalah 10% daripada kenaikan nilai tanah dan antara caj pemajuan terendah berbanding dengan beberapa negeri lain di Malaysia seperti Pulau Pinang (15%), Selangor (30%) dan Johor Bahru (25%). Pengiraan Kadar caj pemajuan diperincikan dalam Jadual 2.8.

iii. Perubahan luas lantai.

PBPT yang menentukan sama ada caj pemajuan boleh dikenakan dan amaunnya melalui subseksyen 33(1) Akta 172; dan caj pemajuan perlu dibayar oleh mana-mana orang yang mengemukakan permohonan KM di bawah peruntukan Bahagian IV Akta 172.

Jadual 2.8: Perincian Cadangan Pengiraan Kadar Caj Pemajuan di Daerah Batang Padang

Kadar Caj Pemajuan	Jenis Caj Pembangunan	Contoh Pengiraan	
10% x Kenaikan Nilai Tanah	Perubahan Penggunaan Tanah	Nilai Tanah Berdasarkan Penggunaan Dalam Hakmilik	RM W
		Nilai tanah berdasarkan cadangan pemajuan dalam Rancangan Tempatan (RT)	RM W
		Kenaikan nilai tanah	RM X – RM W = RM Y
		Amaun Caj Pemajuan yang perlu dibayar	10% X RM Y = RM Z
		i. Secara Sekaligus ii. Secara Ansuran	RM Z RM Z + Bunga
	Perubahan Ketumpatan	Perubahan ketumpatan dengan adanya pengubahan Rancangan Tempatan (RT)	
	Perubahan Luas Lantai	Perubahan luas lantai dengan adanya pengubahan Rancangan Tempatan (RT)	

Sumber : Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013

Penggunaan Wang Kutipan Caj Pemajuan

Disalurkan semula dalam bentuk aktiviti pembangunan awam termasuk penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam yang memberi faedah kepada masyarakat dalam kawasan PBT.

01

Sebagai tabung persediaan PBT untuk membiayai kos notis pembelian sebagaimana diperuntukan mengikut seksyen 37 Akta 172.

02

Pelaksanaan kajian-kajian berkaitan perancangan pembangunan dan garis panduan kegunaan PBT.

03



► 2.3.2 Penguatkuasaan Akta dan Undang – Undang Kecil

Keperluan aspek perundangan merangkumi penguatkuasaan akta, undang-undang kecil, kaedah-kaedah dan garis panduan perancangan di dalam pelaksanaan RTDBP 2035 (Penggantian) adalah sebagai salah satu instrumen yang dapat mengukuhkan fungsi MDT (rujuk jadual 2.9 hingga 2.12). Penguatkuasaan akta dan undang-undang kecil amat penting bagi pihak MDT untuk mengawal dan mengurus kawasan pentadbirannya secara sistematik dan mengikut prosedur. Selain itu, penguatkuasaan akta perancangan dapat membantu pihak MDT meningkatkan hasil tahunan melalui kutipan cukai, caj pemajuan, saman dan lain-lain perkara yang termaktub di dalam akta. penguatkuasaan undang-undang kecil melalui tindakan undang-undang ini perlu dilaksanakan kepada sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang tersebut melalui pengenaan denda dan kompaun.

Jadual 2.9 : Senarai Akta-Akta dan Peraturan Utama yang Digunakan oleh Majlis Daerah Tapah

Bil.	Akta-Akta Digunakan
1.	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
2.	Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)
3.	Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
4.	Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
5.	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984
6.	Lain-lain Undang-undang Kecil dan Peraturan di bawah MDT (Rujul Jadual 9.7 & 9.9)

Sumber : Majlis Daerah Tapah 2020

Jadual 2.10 : Senarai Undang-Undang Kecil Digunakan Majlis Daerah Tapah

Bil	Undang-Undang Kecil Digunakan
1.	Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Tapah) 1984
2.	Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Tapah) 1984
3.	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Tapah) Kerajaan Tempatan 1984
4.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Tapah) 2017
5.	Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Daerah Tapah) 1990
6.	Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Daerah Tapah) 1990
7.	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Tapah) Kerajaan Tempatan 1991
8.	Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Majlis Daerah Tapah) 1991
9.	Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Tapah) 1992
10.	Undang-Undang Kecil Mengawal Pasar Awam dan Pasar Swasta (Majlis Daerah Tapah) 1992
11.	Undang-Undang Kecil Pengurangan Fee Lesen (Majlis Daerah Tapah) 1996
12.	Undang-Undang Kecil Krematorium (Majlis Daerah Tapah) 2004
13.	Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Tapah) 2014
14.	Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Daerah Tapah) 2014
15.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan Dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Tapah) 2012
16.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Daerah Tapah) 2017
17.	Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Daerah Tapah) 2018
18.	Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Tapah)(Pindaan) 2019
19.	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan, Parit dan Bangunan 2013
20.	Undang- Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Tapah) 1979

Sumber : Majlis Daerah Tapah 2020



Jadual 2.11 : Senarai Kaedah-Kaedah dan Perintah Digunakan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Bil.	Kaedah-Kaedah dan Perintah Digunakan
1.	Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Tapah) 1993
2.	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Tapah) 2004
3.	Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Daerah Tapah (Kelakuan Dan Tata tertib) 2013
4.	Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Tata tertib (Majlis Daerah Tapah) 2014

Sumber : Majlis Daerah Tapah 2020

Jadual 2.12 : Senarai Garis Panduan Perancangan Digunakan Majlis Daerah Tapah

Bil.	Garis Panduan Perancangan (JPP)	Tahun Terbitan	Status Sehingga Februari 2020
1.	GPP Kemudahan Masyarakat	2013	Diterimapakai
2.	GPP Kejiranan Hijau	2012	Diterimapakai
3.	GPP Kawasan Perdagangan	2016	Diterimapakai
4.	GPP Kawasan Perdagangan (Perubahan/Addendum)	2017	Diterimapakai
5.	GPP Laluan Kemudahan Utiliti	2012	Belum Diterimapakai
6.	GPP Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi	2009	Diterimapakai
7.	GPP Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut	2015	Tidak Terima
8.	GPP Taman Tema	2012	Diterimapakai
9.	GPP Taman Atas Bumbung	2012	Diterimapakai
10.	GPP Reka Bentuk Sejagat (Universal Design)	2011	Diterimapakai
11.	GPP Padang Golf	2013	Diterimapakai
12.	GPP Iklan Luar	2009	Diterimapakai
13.	GPP Gated Community and Guarded Neighbourhood	2010	Diterimapakai
14.	GPP Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan Brownfield	2012	Diterimapakai
15.	GPP Lorong Belakang	2014	Diterimapakai
16.	GPP Lorong Belakang	2012	Diterimapakai
17.	GPP Penubuhan Tadika dan Taska	2017	Belum Diterimapakai
18.	GPP Papan Tanda Premis Perniagaan	2018	Belum Diterimapakai
19.	GPP Tempat Letak Kenderaan	2017	Diterimapakai dengan pindaan
20.	GPP Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	2017	Belum Diterimapakai

Sumber : Majlis Daerah Tapah 2020

BAB 03

**URUS TADBIR
YANG EFEKTIF**



BAB 03 | URUS TADBIR YANG EFEKTIF



3.1

Penerapan Dasar *Sustainable Development Goals* (SDGs)

Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, SDGs) terdiri daripada 17 Matlamat yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB pada September 2015, di New York, Amerika Syarikat untuk dicapai pada 2030 sebagai agenda demi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan Bumi. Matlamat ini merupakan kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Milenium yang berakhir pada 2015 dan sebahagian daripada Resolusi 70/1 Perhimpunan Agung PBB, Agenda 2030.

Agenda SDGs adalah untuk memastikan kelestarian hidup iaitu yang membawa maksud bagi mencapai kebahagiaan dengan mendapat hak serta akses terbaik seperti bekalan air, elektrik dan pendidikan untuk meneruskan kehidupan.



Bagi memastikan matlamat SDG tercapai, pelaksanaannya perlu disebar luas ke seluruh pelosok negara. RTDBP 2035 (Penggantian) telah mengambil kira peranan Majlis Daerah Tapah sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke arah SDG melalui strategi dan cadangan projek di dalam laporan ini. SDG utama yang terlibat adalah seperti berikut:

1 NO POVERTY 	Membasmi kemiskinan dalam apa-apa bentuk di semua tempat	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 	Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lestari, inklusif dan kukuh, guna tenaga kerja yang penuh dan baik serta produktif untuk semua
3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING 	Memastikan kesihatan dan kesejahteraan bagi semua umur dipromosikan	9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE 	Membangunkan infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian yang inklusif dan lestari serta inovasi untuk semua
5 GENDER EQUALITY 	Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa golongan wanita dan kanak-kanak perempuan.	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES 	Memastikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan lestari
6 CLEAN WATER AND SANITATION 	Memastikan akses kepada air dan sanitasi untuk semua	13 CLIMATE ACTION 	Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya
7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY 	Memastikan akses tenaga moden yang berpatutan, berdaya harap dan lestari untuk semua	15 LIFE ON LAND 	Melindungi, memulihkan dan mempromosi penggunaan ekosistem terestrial yang lestari, pengurusan hutan secara lestari dan menghentikan kehilangan biodiversiti



Jadual 3.1 : Peranan MDT Ke Arah Pembangunan Mampan

Cadangan Teras 1		SDGs																
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
RKK	Cadangan Rancangan Kawasan Khas Batang Padang Riverfront			/			/	/				/		/				
T1.1 a	Pelan Induk Ruang Awam Bandar																	
	a) Cadangan Projek Bidor Riverside			/			/	/				/		/				
	b) Cadangan Pembangunan Taman Botanical, Bidor			/			/	/				/		/				
	c) Cadangan Taman Bandar Bidor			/			/	/				/		/				
	d) Cadangan Taman Tempatan Sungkai			/			/	/				/		/				
	e) Cadangan Taman Rakyat Air Kuning			/			/	/				/		/				
	f) Cadangan Kesenambungan Projek Taman Tasik Temoh			/			/	/				/		/				
T1.1 b	Pelan Induk <i>Placemaking</i>																	
	a) Cadangan Baldwin Walk Tapah	/						/	/	/		/				/		
	b) Cadangan Uni Sentral Walk Tapah Road	/						/	/	/		/				/		
	c) Cadangan Bidor Raya Walk	/						/	/	/		/				/		
	d) Cadangan Sungkai Perdana Walk	/						/	/	/		/				/		
T1.1 c	Cadangan Kualiti Visual : Mural									/		/						
T1.1 d	Cadangan Menaik Taraf Imej dan Reka Bentuk Bandar Tapah									/		/						
T1.1 e	Cadangan Papan Tanda Persempadanan Daerah									/		/						
T1.2 a	Perlindungan KSAS Tahap I (Penuh)						/					/		/				
T1.2 b	Pembangunan KSAS Tahap II (Terhad)						/					/		/				
T1.2 c	Pembangunan KSAS Tahap III (Terkawal)						/					/		/				
T1.3 a	Cadangan Merizab dan Memelihara Tebing Sungai Serta Mewujudkan Zon Kawalan Sebagai <i>Greenways</i>						/					/		/				
T1.3 b	Cadangan Pengekalan Sedia Ada dan Penambahan Baru Hutan Tadahan Air dan Perlindungan Tanah HSK Bukit Tapah						/					/		/				
T1.3 c	Cadangan Pemuliharaan Kawasan Hutan Simpan Dara dan Hutan yang Bernilai Pemeliharaan Tinggi (HCVF)						/					/		/				
T1.3 d	Cadangan Pembangunan dan Pengurusan Rezab Hidupan Liar Sungkai						/					/		/				
T1.3 e	Cadangan Mengukuhkan Fungsi Koridor <i>Central Forest Spine</i> (CFS) Di CFS1–SL11–HS Bukit Kinta–HS Bujang Melaka di Antara HS Bukit Tapah dan HS Bujang Melaka						/					/		/				

●●● Sambungan

Cadangan Teras 1		SDGs																
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
T1.4a	Cadangan Menyediakan Zon Penampungan dan Kawalan Efluen Penternakan Unggas dan Babi			/			/			/		/		/				
T1.4b	Cadangan Penutupan Ladang Ternakan Babi			/			/					/						
T1.4c	Cadangan Ladang Babi Modern (<i>Modern Pig Farming</i>) bagi Ladang Penternakan Babi Sedia Ada (yang dibenarkan)	/		/			/			/		/		/				
T1.4d	Cadangan Menaik Taraf dan Peluasan Tapak Pelupusan Bidor			/			/			/		/		/				
T1.4e	Cadangan Penguatkuasaan Pemasangan Perangkap Sampah						/			/		/		/				
T1.4f	Penguatkuasaan Sistem Perangkap Minyak bagi Premis Perniagaan Makanan/Penjaja						/			/		/		/				
T1.4g	Cadangan Kawalan Risiko Kuari			/			/			/		/						



Cadangan Teras 2		SDGs																
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
PF1	Cadangan Pembangunan Taman Eko Rimba Lata Kinjang dan Kampung Orang Asli Lata Kinjang	/							/		/	/						
PF2	Cadangan Projek <i>Cable Car</i> Tapah-Ringlet	/							/		/							
PF3	Cadangan Projek Rehat dan Rawat (R&R) Lata Kinjang	/							/		/							
PF4	Pembangunan Bandar Integrasi Hub Getah di Bidor	/							/	/	/							
PF5	Membangunkan <i>Asean Agrotech Distribution Center</i> di Tapah	/							/		/							/
PF6	Cadangan Kompleks Perniagaan Sentral Bidor	/							/		/							
PF7	Cadangan Jajaran Jalan Tapah – Parit di bawah <i>Northern Corridor Highway</i>	/							/		/							
T2.1a	Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Sokongan di Hutan Lipur Kuala Woh	/							/		/	/						
T2.1b	Cadangan Pembangunan dan Penjenamaan Semula Rumah Rehat Tapah								/			/						
T2.1c	Cadangan Transformasi Bangunan Lama Majlis Daerah Tapah Sebagai Muzium dan Pusat Budaya								/			/						
T2.2a	Cadangan Menggalakkan Pembangunan Resort Berkonsepkan Agro-Pelancongan di Tanah Pertanian Berpotensi	/							/		/							/
T2.2b	Cadangan Pakej Pelancongan Batang Padang	/							/		/							
T2.2c	Cadangan Program Tahunan Pelancongan	/							/									/
T2.3a	Membina Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) di Bandar Tapah, Bandar Bidor dan Sungkai			/			/			/		/	/					
T2.3b	Cadangan Tebatan Banjir Bagi Daerah Batang Padang			/						/		/				/		
T2.3c	Meluaskan Liputan <i>High Speed Broadband</i> (HSBB) dan 5G				/				/	/	/							
T2.4a	Cadangan Meningkatkan Produktiviti Pertanian Kelapa Sawit dan Tanaman Getah	/	/						/		/		/					
T2.4b	Peningkatan Produktiviti Tanaman Buah-buahan, Sayur-sayuran dan Tanaman Lain	/	/						/		/		/					
T2.4c	Peningkatan Produktiviti Ternakan Lembu, Kambing dan Biri-Biri	/	/						/		/		/					
T2.4d	Peningkatan Produktiviti Ternakan Ayam Secara Mesra Alam	/	/						/		/		/					

●●● Sambungan

Cadangan Teras 2		SDGs																
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
T2.5a	Pewartaan dan Peningkatan Produktiviti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Sungkai	/	/						/	/		/						
T2.5b	Pembangunan Semula Tanah Pertanian Terbiar dan Kawasan Pertanian yang Tidak Diusahakan Secara Ekonomik	/	/						/	/		/						
T2.5c	Mengekalkan dan Mewartakan Rezab Padang Ragut	/	/						/	/		/				/		
T2.5d	Peningkatan Produktiviti Akuakultur	/	/						/	/		/			/			
T2.6a	Cadangan Membangunkan Semula dan Mempromosikan Kawasan Perindustrian @Silver Valley Chenderiang Berasaskan Sumber Mineral	/							/	/	/							/
T2.6b	Membangunkan Taman Perindustrian Akuakultur @Silver Valley Banir Berasaskan Sumber Perikanan	/	/						/	/	/		/					/
T2.6c	Membangunkan Semula dan Mempromosikan Zon Perindustrian Taman Perindustrian @Silver Valley Bidor	/							/	/	/							/
T2.6d	Membangunkan Zon Industri Hiliran @Silver Valley Sungkai Berasaskan Sumber Kelapa Sawit	/							/	/	/		/					/
T2.7a	Cadangan Malaysian Defense And Security Technology Park, Sungkai																/	/
T2.7b	Membangunkan Solar Farm di Daerah Batang Padang							/		/				/				
T2.8a	Cadangan Kompleks Penjaja Bersepadu di Tapah	/							/		/							
T2.8b	Cadangan Kompleks Sentral Sungkai Perdana	/							/		/							
T2.8c	Cadangan Pasar Baru Bidor	/							/		/							
T2.8d	Cadangan Pembangunan Semula Kawasan Brownfield Pusat Bandar (Tapah Bidor & Sungkai)	/							/		/	/						
T2.8e	Cadangan Pembangunan Semula Brownfield Luar Pusat Bandar (Chenderiang)	/							/		/	/						
T2.9a	Menaik Taraf dan Membina Rangkaian Jalan Raya Baharu									/								
T2.9b	Cadangan Membina Jambatan Baharu dan Menaiktaraf Jambatan serta Persimpangan Sediaada									/								
T2.9c	Cadangan Laluan Sehalu									/								
T2.9d	Cadangan Laluan Baharu Pengangkutan Awam									/								
T2.9e	Menyediakan Sistem Jaringan Berjalan Kaki dan Berbasikal di Bandar Tapah			/								/		/			/	



Cadangan Teras 3		SDGs																
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
PF 9	Bandar Pendidikan di Kawasan Pertumbuhan Utama (KPU)	/		/	/	/	/	/	/	/		/						
T3.1 a	Pembangunan Perumahan Selaras Dan Mematuhi Dasar Semasa Negara Dan Negeri	/		/			/	/	/			/		/		/		
T3.1 b	Membangunkan Semula Kawasan Perumahan Yang Terbangkalai						/	/	/	/		/		/				
T3.1 c	Cadangan Kejiranan Hijau	/		/			/	/	/			/		/		/		
T3.2 a	Memperkuh Fungsi Pusat Pertumbuhan Desa	/		/		/	/	/	/	/		/				/		
T3.2 b	Membangunkan Projek Perumahan Melalui Petempatan Baru Yang Bersepadu Untuk Orang Asli	/		/		/	/	/	/	/		/				/		
T3.2 c	Mewartakan Petempatan Kampung Orang Asli											/				/		
T3.2 d	Menyedia dan Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Di Dalam Petempatan Kampung Orang Asli						/	/		/		/						
T3.2 e	Menyedia Dan Menaiktaraf Kemudahan Awam Di Dalam Petempatan Kampung Orang Asli						/	/				/						
T3.2 f	Meningkatkan Tahap Sosio Ekonomi Penduduk Orang Asli	/		/		/	/	/	/	/		/				/		
T3.3 a	Pusat Pentadbiran di Kawasan Pertumbuhan Utama (KPU)						/	/	/	/		/		/				
T3.4 a	Cadangan Penyediaan Kemudahan Awam Daerah Batang Padang			/			/	/				/					/	
T3.4 b	Cadangan Padang Hoki di Tapah Road						/	/				/						

3.2

Penerapan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019 - 2025

RTDBP 2035 (Penggantian) turut mengambil kira penerapan komponen bandar pintar yang akan diperincikan melalui cadangan projek di dalam laporan ini untuk menjadikan daerah Batang Padang lebih kompetitif setaraf di peringkat antarabangsa, menyediakan kerjasama strategik bagi mengatasi isu-isu perbandaran.

Definisi *Bandar Pintar*

Bandar pintar adalah bandar-bandar yang menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan teknologi canggih dalam menangani isu-isu perbandaran termasuklah Meningkatkan kualiti hidup, Menggalakkan pertumbuhan ekonomi, Membangunkan persekitaran yang selamat dan mampan serta Menggalakkan amalan pengurusan bandar yang cekap.



Matlamat utama **bandar pintar** ialah untuk menyediakan **kaedah penyelesaian kepada masalah perbandaran** dan memberi manfaat kepada rakyat atau pengguna melalui komponen-komponen berikut :

Komponen 1	Komponen 2	Komponen 3	Komponen 4
Ekonomi Pintar <i>Smart Economy</i>	Kehidupan Pintar <i>Smart Living</i>	Persekitaran Pintar <i>Smart Environment</i>	Mobiliti Pintar <i>Smart Mobility</i>
Produktiviti yang tinggi <i>High Productivity</i>	Keselamatan dan sekuriti bandar <i>Urban safety and security</i>	Pelindungan & kebersihan alam sekitar <i>Environmental protection & clean environment</i>	Perhubungan yang lancar dan cekap <i>Seamless and efficient connectivity</i>
Inovasi Ekonomi <i>Economic innovation</i>	Penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi <i>High quality health care services</i>	Pengurusan sumber yang mampan <i>Sustainable resource management</i>	Jalan raya dan pengangkutan awam bersepadu & selamat <i>Integrated, safe roads and public transport</i>
Penggunaan ICT <i>Usage of ICT</i>	Kualiti hidup yng tinggi di kawasan perumahan <i>High quality of life in residential space</i>	Bandar berdaya tahan, rendah karbon & gaya hidup hijau <i>Resilient low carbon city & green lifestyle</i>	Kemampanan/Kehijauan sebagai prinsip utama <i>Sustainable/green as core principle</i>
Persaingan ekonomi dan pelaburan yang menarik <i>Competitive and appealing economic investment</i>			

Komponen 5	Komponen 6	Komponen 7
Infrastruktur digital Pintar <i>Smart Digital Infrastruktur</i>	Kerajaan Pintar <i>Smart Governance</i>	Masyarakat Pintar <i>Smart People</i>
Liputan Rangkaian <i>Network Coverage</i>	Data terbuka <i>Open data</i>	Pemeriksaan Komuniti <i>Community Empowerment</i>
Internet Berkelajuan tinggi <i>High speed internet</i>	E-Kerajaan <i>E-Government</i>	E-Kerajaan <i>E-Government</i>
Perlindungan data peribadi-Keselamatan Cyber <i>Personal Data Protection-Cyber Security</i>	Perkongsian data <i>Data Sharing</i>	Perkongsian data <i>Data Sharing</i>



Jadual 3.2 : Peranan MDT Ke Arah Elemen Bandar Pintar

Cadangan Teras 1		Elemen Bandar Pintar						
		1	2	3	4	5	6	7
RKK	Cadangan Rancangan Kawasan Khas Batang Padang Riverfront		/	/	/			/
T1.1a	Pelan Induk Ruang Awam Bandar							
	a) Cadangan Projek Bidor <i>Riverside</i>		/	/	/			/
	b) Cadangan Pembangunan Taman Botanikal, Bidor		/	/	/			/
	c) Cadangan Taman Bandar Bidor	/	/	/	/			/
	d) Cadangan Taman Tempatan Sungkai		/	/	/			/
	e) Cadangan Taman Rakyat Air Kuning	/	/	/	/			/
	f) Cadangan Kesenambungan Projek Taman Tasik Temoh	/	/	/	/			/
T1.1b	Pelan Induk Placemaking							
	a) Cadangan Baldwin Walk Tapah	/				/	/	/
	b) Cadangan Uni Sentral Walk Tapah Road	/				/	/	/
	c) Cadangan Bidor Raya Walk	/				/	/	/
	d) Cadangan Sungkai Perdana Walk	/				/	/	/
T1.1 c	Cadangan Kualiti Visual : Mural					/		
T1.1d	Cadangan Menaik Taraf Imej dan Reka Bentuk Bandar Tapah					/		
T1.1e	Cadangan Papan Tanda Persempadanan Daerah					/		
T1.2a	Perlindungan KSAS Tahap I (Penuh)			/	/	/		/
T1.2b	Pembangunan KSAS Tahap II (Terhad)			/	/	/		/
T1.2c	Pembangunan KSAS Tahap III (Terkawal)			/	/	/		/
T1.3a	Cadangan Mengrizab dan Memelihara Tebing Sungai Serta Mewujudkan Zon Kawalan Sebagai <i>Greenways</i>			/	/	/		/
T1.3b	Cadangan Pengekalan Sedia Ada dan Penambahan Baru Hutan Tadahan Air dan Perlindungan Tanah HSK Bukit Tapah			/	/	/		/
T1.3c	Cadangan Pemuliharaan Kawasan Hutan Simpan Dara dan Hutan yang Bernilai Pemeliharaan Tinggi (HCVF)			/	/	/		/
T1.3d	Cadangan Pembangunan dan Pengurusan Rezab Hidupan Liar Sungkai			/		/		/
T1.3e	Cadangan Mengukuhkan Fungsi Koridor Central Forest Spine (CFS) Di CFS1–SL11–HS Bukit Kinta–HS Bujang Melaka di Antara HS Bukit Tapah dan HS Bujang Melaka				/	/		
T1.4a	Cadangan Menyediakan Zon Penampakan dan Kawalan Efluen Penternakan Unggas dan Babi	/	/	/	/	/		/
T1.4b	Cadangan Penutupan Ladang Ternakan Babi					/		
T1.4c	Cadangan Ladang Babi Moden (<i>Modern Pig Farming</i>) bagi Ladang Penternakan Babi Sedia Ada (yang dibenarkan)	/	/	/	/	/		
T1.4d	Cadangan Menaik Taraf dan Peluasan Tapak Pelupusan Bidor			/		/		
T1.4 e	Cadangan Penguatkuasaan Pemasangan Perangkap Sampah			/		/		
T1.4 f	Penguatkuasaan Sistem Perangkap Minyak bagi Premis Perniagaan Makanan/Penjaja			/		/		
T1.4g	Cadangan Kawalan Risiko Kuari	/		/		/		

Cadangan Teras 2		Elemen Bandar Pintar						
		1	2	3	4	5	6	7
PF 1	Cadangan Pembangunan Taman Eko Rimba Lata Kinjang dan Kampung Orang Asli Lata Kinjang	/	/	/	/	/		/
PF 2	Cadangan Projek 'Cable Car' Tapah-Ringlet	/	/		/	/	/	/
PF 3	Cadangan Projek Rehat dan Rawat (R&R) Lata Kinjang	/	/		/			/
PF 4	Pembangunan Bandar Integrasi Hub Getah di Bidor		/					
PF 5	Membangunkan Asean Agrotech Distribution Center di Tapah	/	/					/
PF 6	Cadangan Kompleks Perniagaan Sentral Bidor	/	/		/			/
PF 7	Cadangan Jajaran Jalan Tapah – Parit di bawah Northern Corridor Highway	/	/		/			/
T2.1a	Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Sokongan di Hutan Lipur Kuala Woh	/	/	/	/	/		/
T2.1b	Cadangan Pembangunan dan Penjenamaan Semula Rumah Rehat Tapah	/	/		/	/		/
T2.1c	Cadangan Transformasi Bangunan Lama Majlis Daerah Tapah Sebagai Muzium dan Pusat Budaya	/	/		/			/
T2.2 a	Cadangan Menggalakkan Pembangunan Resort Berkonsepkan Agro-Pelancongan di Tanah Pertanian Berpotensi	/	/	/	/			/
T2.2 b	Cadangan Pakej Pelancongan Batang Padang	/			/	/		/
T2.2 c	Cadangan Program Tahunan Pelancongan	/			/	/		/
T2.3 a	Membina Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) di Bandar Tapah, Bandar Bidor dan Sungkai			/				
T2.3 b	Cadangan Tebatan Banjir Bagi Daerah Batang Padang			/				
T2.3 c	Meluaskan Liputan High Speed Broadband (HSBB) dan 5G							/
T2.4 a	Cadangan Meningkatkan Produktiviti Pertanian Kelapa Sawit dan Tanaman Getah			/				
T2.4 b	Peningkatan Produktiviti Tanaman Buah-buahan, Sayur-sayuran dan Tanaman Lain			/				
T2.4 c	Peningkatan Produktiviti Ternakan Lembu, Kambing dan Biri-Biri			/				
T2.4 d	Peningkatan Produktiviti Ternakan Ayam Secara Mesra Alam			/				
T2.5 a	Pewartaan dan Peningkatan Produktiviti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Sungkai			/				
T2.5 b	Pembangunan Semula Tanah Pertanian Terbiar dan Kawasan Pertanian yang Tidak Diusahakan Secara Ekonomik			/				
T2.5 c	Mengekal dan Mewartakan Rezab Padang Ragut			/				
T2.5 d	Peningkatan Produktiviti Akuakultur		/	/				
T2.6 a	Cadangan Membangunkan Semula dan Mempromosikan Kawasan Perindustrian @Silver Valley Chenderiang Berasaskan Sumber Mineral	/	/	/			/	/
T2.6 b	Membangunkan Taman Perindustrian Akuakultur @Silver Valley Banir Berasaskan Sumber Perikanan	/	/	/			/	/
T2.6 c	Membangunkan Semula dan Mempromosikan Zon Perindustrian Taman Perindustrian @Silver Valley Bidor	/	/	/			/	/
T2.6 d	Membangunkan Zon Industri Hiliran @Silver Valley Sungkai Berasaskan Sumber Kelapa Sawit	/		/			/	/
T2.7 a	Cadangan Malaysian Defense And Security Technology Park, Sungkai		/			/		/
T2.7 b	Membangunkan Solar Farm di Daerah Batang Padang							
T2.8 a	Cadangan Kompleks Penjaja Bersepadu di Tapah	/	/		/			/
T2.8 b	Cadangan Kompleks Sentral Sungkai Perdana	/	/		/			/



●●● Sambungan

Cadangan Teras 2		Elemen Bandar Pintar						
		1	2	3	4	5	6	7
T2.8 c	Cadangan Pasar Baru Bidor	/	/		/			/
T2.8 d	Cadangan Pembangunan Semula Kawasan Brownfield Pusat Bandar (Tapah Bidor & Sungkai)		/		/		/	/
T2.8 e	Cadangan Pembangunan Semula Brownfield Luar Pusat Bandar (Chenderiang)				/		/	/
T2.9 a	Menaik Taraf dan Membina Rangkaian Jalan Raya Baharu		/		/		/	
T2.9 b	Cadangan Membina Jambatan Baharu dan Menaiktaraf Jambatan serta Persimpangan Sediaada		/		/		/	
T2.9 c	Cadangan Laluan Sehala		/		/		/	
T2.9 d	Cadangan Laluan Baharu Pengangkutan Awam		/		/		/	
T2.9 e	Menyediakan Sistem Jaringan Berjalan Kaki dan Berbasikal di Bandar Tapah		/		/		/	

Cadangan Teras 3		Elemen Bandar Pintar						
		1	2	3	4	5	6	7
PF 9	Bandar Pendidikan di Kawasan Pertumbuhan Utama (KPU)	/	/		/		/	/
T3.1a	Pembangunan Perumahan Selaras Dan Mematuhi Dasar Semasa Negara Dan Negeri		/	/	/		/	/
T3.1b	Membangunkan Semula Kawasan Perumahan Yang Terbangkalai		/		/		/	/
T3.1 c	Cadangan Kejiranan Hijau		/		/		/	/
T3.2a	Memperkuh Fungsi Pusat Pertumbuhan Desa	/	/		/		/	/
T3.2b	Membangunkan Projek Perumahan Melalui Petempatan Baru Yang Bersepadu Untuk Orang Asli	/	/	/	/		/	/
T3.2c	Mewartakan Petempatan Kampung Orang Asli				/	/		
T3.2d	Menyedia dan Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Di Dalam Petempatan Kampung Orang Asli		/	/			/	/
T3.2e	Menyedia Dan Menaiktaraf Kemudahan Awam Di Dalam Petempatan Kampung Orang Asli			/			/	/
T3.2f	Meningkatkan Tahap Sosio Ekonomi Penduduk Orang Asli	/	/		/			/
T3.3a	Pusat Pentadbiran di Kawasan Pertumbuhan Utama (KPU)	/			/	/	/	/
T3.4a	Cadangan Penyediaan Kemudahan Awam Daerah Batang Padang		/	/	/		/	/
T3.4b	Cadangan Padang Hoki di Tapah Road		/		/		/	/

**DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH
BATANG PADANG 2035 (PENGgantian)**

